

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PROGRAM PENDIDIKAN DALAM KARNIVAL KEPENGGUNAAN
NEGERI SELANGOR**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program-program yang dilaksanakan menerusi Karnival Kepenggunaan Negeri Selangor yang bertujuan mendidik pengurangan jumlah pelupusan sisa pepejal mengikut Pihak Berkuasa Tempatan sepanjang tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Karnival Pengguna #BebasPlastik Negeri Selangor adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberi kefahaman serta pendidikan berkaitan kempen-kempen kepenggunaan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada penduduk di negeri ini. Kempen-kempen yang turut dilaksanakan sewaktu Karnival ini antaranya adalah Kempen #BebasPlastik, Kempen Kitar Semula atau *Reduce, Reuse and Recycle* (3R) dan kutipan minyak masak terpakai.

Berikut adalah program-program yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan menerusi Karnival Pengguna #BebasPlastik Negeri Selangor untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dengan menjadi pengguna yang bijak dan bertanggungjawab seperti di Jadual 1:

**PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PBT
MENERUSI KARNIVAL PENGGUNA #BEBASPLASTIK NEGERI
SELANGOR**

BIL.	PBT	SENARAI PROGRAM / KEMPEN
1.	MBSA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen Bebas Plastik dan Polisterina. 2. Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai. 3. Promosi Baja Kompos. 4. Promosi Produk-Produk Pembungkusan Hijau.
2.	MBPJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen Bebas Plastik dan Polisterina. 2. Program Penerangan dan Taklimat Kaedah Kompos. 3. Program 3R. 4. Hari Terbuka Smart PJ Waste Solution Lab.
3.	MPK	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen Bebas Plastik @ Fitgen. 2. Pemberian beg kitar semula. 3. Pemberian bekas makanan secara percuma. 4. Mengedarkan notis pemberitahuan kempen kepada peniaga dan pembeli.
4.	MPAJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Kawasan Pentadbiran MPAJ (Aluminium, Plastik, Kotak Minuman Tetrapak). 2. Kempen Bebas Plastik di Hari Tanpa Kenderaan.
5.	MPSJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Generasi Bestari (Smart Gen) MPSJ 2018-Program mendidik masyarakat sihat dan sejahtera kepada pelajar-pelajar sekolah di kawasan MPSJ. 2. Program Subang Jaya Lestari : Upcycling MPSJ 2018-Program yang mendidik dan mengajar masyarakat Subang Jaya dalam mengolah sisa atau bahan terbuang menjadi bahan-bahan yang bernilai. 3. Program kumpul dan tukar-program yang membolehkan penduduk menukarkan barangan kitar semula dengan cenderamata MPSJ yang menarik. 4. Program kitar semula minyak masak.
6.	MPS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen Program Bebas Plastik, iaitu mendidik peniaga dan pembeli di kedai makan membawa beg dan bekas makanan bagi mengelakkan penggunaan polisterina. 2. Notis Syarat Tambahan Lesen "Penggunaan <i>Single Use Plastic</i>" kepada pengusaha beberapa pasaraya besar di bawah seliaan MPS seperti Tesco, Giant dan KK Mart.

BIL.	PBT	SENARAI PROGRAM / KEMPEN
7.	MPKJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Penyerahan Tong Kitar Semula 'Go Green With 3R' di Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang (kerjasama dengan Syarikat Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd). 2. Program perintis dan perasmian LCCF (Low Carbon Cities Framework) di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi. 3. Operasi Tong Sampah Tahun 2018 sebanyak 17 operasi. 4. Program Composting Green Waste-penghasilan baja kompos secara <i>in-house</i>. 5. Program Kitar Semula Minyak Masak (kerjasama dengan Syarikat Pembinaan Sri Gunung dan Syarikat Uni10 Energy Sdn Bhd). 6. Program Penyerahan Tong Sampah Kitar Semula Bagi Sekolah-sekolah DUN Dusun Tua.
8.	MPSP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Karnival Kepenggunaan Peringkat Daerah Sepang 2018 telah dilaksanakan di Pantai Bagan Lalang, Sepang. Karnival Kepenggunaan ini telah melibatkan 10 agensi kerajaan, GLC, badan lantikan negeri yang mempunyai fungsi khusus kepada pengguna dan masyarakat. 2. Menjalankan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik, tidak menggunakan produk polisterina, program kitar semula minyak terpakai serta penggunaan <i>green blue packaging</i> daripada SIRIM Berhad secara menyeluruh telah dilaksanakan dan menjadi teras bagi pelaksanaan Karnival Kepenggunaan Peringkat Daerah Sepang 2018.
9.	MDKL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan aktiviti kitar semula dengan mengadakan program 3R (<i>Reduce, Reuse and Recycle</i>) bersama komuniti penduduk dan juga di peringkat Sekolah Rendah dan Menengah di sekitar Daerah Kuala Langat. 2. Program Kerjasama antara Universiti Malaya dan Majlis Daerah Kuala Langat dalam program "Lets Clean and Go Green" di Pantai Baharu, Morib.
10.	MDKS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen Kepenggunaan diadakan bersekali dengan Program Bazar Ramadhan Mampan. Kempen Jom Bawa Bekas kepada pengunjung dimana petugas akan berlegar di dalam kawasan Bazar Ramadhan untuk mencari pengunjung yang membawa bekas makanan dan tidak menggunakan plastik semasa pembelian di Bazar Ramadhan. Pengunjung tersebut akan diberikan mangkuk tingkat percuma sebagai tanda penghargaan menyokong usaha kempen bebas plastik MDKS.
11.	MDHS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program "Jom Timbang" Kitar Semula Bersama Dengan Agensi Kerajaan.

BIL.	PBT	SENARAI PROGRAM / KEMPEN
		2. Pembukaan Kaunter Kitar Semula Semasa Program "Hari Tanpa Kenderaan". 3. Program 3R Komuniti di bawah Program Indah Persekitaran.
12.	MDSB	1. Menganjurkan Karnival Pengguna bersekali dengan Program Bazar Ramadan Mampan dengan pengedaran risalah kebersihan dan keselamatan makanan, pelabelan harga makanan dan barang dagangan serta pendidikan berterusan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KEBERKESANAN PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan pengguna perkhidmatan Bas Smart Selangor mengikut daerah dan adakah Kerajaan melakukan kajian dan penambahbaikan khususnya kepada laluan-laluan bas yang tidak digunakan secara optimum oleh pengguna?

JAWAPAN:

- a) Pengukuran keberkesanan perkhidmatan Bas Smart Selangor dilihat melalui peningkatan jumlah penumpang yang telah menggunakan perkhidmatan ini dari semasa ke semasa. Jumlah penumpang Bas Smart Selangor adalah berdasarkan setiap laluan perkhidmatan bas tersebut di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bukan mengikut daerah. Bilangan penumpang mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH LALUAN	JUMLAH PENUMPANG
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	6	6,048,798
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	5	5,092,152
3.	Majlis Perbandaran Klang	3	3,661,520
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	4	2,571,677
5.	Majlis Perbandaran Kajang	4	3,271,803
6.	Majlis Perbandaran Selayang	3	3,584,207
7.	Majlis Perbandaran Sepang	4	1,163,743
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	778,805
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	441,990
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	3	341,894
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	3	500,410
JUMLAH KESELURUHAN		42	27,456,999

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui PBT akan membuat pelaporan secara berkala berhubung prestasi setiap laluan Bas Smart Selangor semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor diadakan. Sekiranya jumlah penumpang laluan bas tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan atau berlaku pengurangan

jumlah penumpang yang berterusan, maka semakan dan kajian terhadap laluan tersebut akan dibuat bagi memastikan perkhidmatan Bas Smart Selangor *reliable* dan digunakan sepenuhnya oleh pengguna pengangkutan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATUS PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang masih berjalan dan yang dihentikan dan apakah sebab pemberhentian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberhentikan atau membatalkan Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah lama dilaksanakan sejak tahun 2008 (yang dahulu dikenali sebagai Program Merakyatkan Ekonomi Selangor - MES) serta telah memberi banyak manfaat kepada seluruh rakyat di Selangor tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik. Malah, Kerajaan Negeri kini sedang giat membuat penelitian terhadap semua program IPR untuk diberi tambah dan ditambah baik dari hanya pemberian bantuan semata-mata kepada program *empowerment* agar penerima IPR mampu berdikari dan mengurangkan sikap kebergantungan terhadap Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : USAHAWAN DAN INDUSTRI DESA DAN KAMPUNG TRADISI

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan usahawan dan industri yang dikembangkan melalui desa dan kampung tradisi.

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini tiada sebarang bantuan khusus dari Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor bagi tujuan berkaitan pengembangan usahawan dan industri. Walau bagaimanapun, di bawah Vot P01 – 02003 Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi dan Vot P01 – 02004 Program Pembangunan Desa beberapa program yang menjurus ke arah melahirkan usahawan yang berdaya maju dari aspek kewangan dan ekonomi serta pembangunan modal insan telah dilaksanakan.

Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar di Negeri Selangor. Bermula tahun 2008, pelbagai program dijalankan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan khususnya di desa (Kampung Tradisi). Melalui pelaksanaan **Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek** telah dilaksanakan.

Program ini pada dasarnya bertujuan untuk memberi pengetahuan serta tambah nilai dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan yang berkaitan kepada belia dan masyarakat di luar bandar yang tidak berpeluang meneruskan pengajian secara formal. Pelaksanaan program ini juga dapat memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi tahun 2015 dan 2016, Program tersebut telah dilaksanakan secara berasingan bertermpat di INPENS International College dan di Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (ITKAU) pada bulan Ogos dan September. Bagi tahun 2017, program ini telah dilaksanakan di dua (2) Inkubator sedia ada iaitu di Inkubator Sabak Bernam dan juga Inkubator Meru, Klang.

Selain itu melalui Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K), Kerajaan Negeri memberikan peluang dan ruang kepada peniaga setempat serta usahawan kampung untuk memperkenalkan dan memasarkan produk-produk buatan mereka mereka sepanjang karnival berlangsung.

Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pembinaan sembilan (9) buah Dataran Niaga yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.35 juta di setiap daerah bertujuan untuk menaiktaraf tapak-tapak pasar malam sedia ada dan menjadi medan untuk memasarkan produk-produk desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PERANCANGAN PENUBUHAN PUSAT INTERVENSI AWAL KANAK-KANAK ISTIMEWA

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan di dalam mewujudkan Pusat Intervensi Awal Kanak-kanak Istimewa dan apakah jangkamasa pelaksanaannya di setiap DUN di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak meminggirkan golongan kanak-kanak atau murid berkeperluan khas dengan mendapatkan pembelajaran yang bersesuaian di samping meningkatkan, menaiktaraf dan menyediakan prasarana yang baharu dalam memastikan pendidikan murid berkeperluan khas terjamin.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk dimanfaatkan institusi yang menyediakan perkhidmatan dan pembelajaran kepada kanak-kanak berkeperluan khas dengan bantuan untuk membiayai kos yuran pengajian, perkhidmatan terapi, kos penambahbaikan, kos operasi, menaiktaraf kemudahan dan lain-lain. Secara tidak langsung melalui pemberian bantuan ini, institusi berkenaan dapat menampung dan membuat penambahbaikan ke atas keperluan kanak-kanak istimewa dalam usaha memupuk dan membimbing mereka dalam meneruskan pembelajaran di bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran bersosial serta perkembangan emosi.

Selain itu, antara langkah lain yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS) yang berperanan untuk mengusulkan, membawa dan membangunkan program dan strategi berkesan di dalam usaha menjamin kebajikan, pendidikan dan akses kesihatan kepada OKU dengan mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu semasa dan berbangkit yang berkaitan dengan hal ehwal OKU. Antara fungsi lain MTOS adalah untuk meningkatkan advokasi dengan kempen positif tentang kesedaran dan hak yang dianjurkan secara besar-besaran untuk menyedarkan masyarakat tentang isu-isu penting berkenaan dengan OKU seperti kepentingan intervensi awal (EIP), kepentingan memberi pendidikan inklusif dan menggalakkan institusi menerima OKU untuk bekerja dengan peningkatan kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta (*public-private partnership*).

Kerajaan Negeri juga sedang merangka untuk mewujudkan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) bagi membantu mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak-anak OKU dalam mendapatkan pemulihan dan pendidikan yang sempurna dari peringkat awal usia.

Kerajaan Negeri juga dalam tindakan untuk menyediakan kursus kepada Shadow Teacher atau lebih dikenali sebagai “Cikgu AnIS” (Anak Istimewa Selangor) yang memberi kemahiran dalam mengendalikan anak-anak berkeperluan khas. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, pada masa kini, penerimaan taska sedia ada terhadap golongan anak-anak berkeperluan khas adalah kurang dan sekali gus menjadi dilema kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak istimewa ke institusi yang menyediakan kemudahan dan pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak mereka.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dalam tindakan merangka sebuah program yang dikenali sebagai Cikgu AnIS iaitu penyediaan shadow teachers yang akan diberi kemahiran dalam mengendalikan anak-anak berkeperluan khas di taska-taska sedia ada di seluruh Selangor.

Selaras dengan objektif iaitu untuk memberikan pendedahan dan kesedaran mengenai aksesibiliti pendidikan awal kepada kanak-kanak berkeperluan khas, program Cikgu AnIS ini diharapkan mampu membina ruang pergaulan yang lebih inklusif di antara yang normal dan istimewa serta mengubah perspektif dan stigma masyarakat terhadap golongan istimewa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MISI BANTUAN KEMANUSIAAN 2018

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah sumbangan kewangan dan peruntukan yang diberi kepada misi bantuan kemanusiaan oleh Kerajaan di kawasan-kawasan yang dilanda bencana dalam atau luar negara sepanjang 2018.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Ahli Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana tiada merekodkan sebarang bantuan sumbangan kewangan dan peruntukan yang diberi kepada misi bantuan kemanusiaan di kawasan-kawasan yang dilanda bencana dalam atau luar negara sepanjang tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN SELANGOR CYBER GAMES 2018

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan pecahan jumlah kewangan yang terlibat dalam penganjuran Selangor Cyber Games 2018.

JAWAPAN:

- a) Program Selangor Cybergames merupakan salah satu program E-sports yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor bermula pada tahun 2014 sehingga kini yang telah mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan di kalangan generasi muda di Selangor malah dari seluruh Malaysia dan Asia Tenggara. Impak yang besar setelah 4 tahun penganjuran ini telah menunjukkan kerancakkan anak muda zaman kini yang menjadikan permainan *video games* bukanlah aktiviti negatif bahkan ianya telah pun diajdiikan sebagai karier dan sumber pendapatan di kalangan generasi muda masa kini. Justeru itu, program ini merupakan satu platform kepada generasi muda di Negeri Selangor khususnya dalam usaha untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan teknologi maklumat yang semakin penting dewasa ini dan juga untuk memberi peluang kepada generasi muda untuk mencungkil bakat mereka dalam bidang multimedia yang menjadi fenomena anak muda masa kini.

Pada tahun 2018, Program Selangor *Cyber Games* 2018 telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2018 bertempat di Empire City Damansara dengan jumlah penyertaan adalah sebanyak 2,500 penyertaan. Di antara games yang telah dipertandingkan adalah seperti DOTA 2, PUBG, FIFA 18, PES, Tekken 7, Mobile Legends dan Zotac Lan Party. Bagi menganjurkan program ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM380,000.00 dengan perincian adalah seperti berikut :-

No	Perkara	Kos (RM)
1	Jaringan Internet & Server	20,000.00
2	Sewaan Logistik	40,000.00
3	Pentas	40,000.00
4	Sound System	30,000.00
5	Hadiah Keseluruhan kepada pemenang	250,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		380,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : MENGEMBANGKAN PERINDUSTRIAN PERTANIAN

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan tani untuk mengembangkan perindustrian pertanian?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat mengambil perhatian berkenaan dengan program-program pertanian bagi meningkatkan bekalan makanan negeri. Terdapat pelbagai program-program yang telah dan sedang dilaksanakan seperti :-
- i) Program Tanaman Fertigasi;
 - ii) Program Peningkatan Hasil Padi dan tanaman padi ke arah MyGAP;
 - iii) Penanaman pokok buah-buahan dan sayuran;
 - iv) Penternakan ruminan dan bukan ruminan;
 - v) Peningkatan hasil nelayan ;
 - vi) Projek akuakultur dan penternakan ikan sangkar;
 - vii) Memberikan kesedaran kepada semua pengusaha di sektor pertanian samada dalam bidang tanaman, penternakan atau akuakultur tentang pendekatan ke arah pertanian yang lebih mesra alam seperti penggunaan baja-baja organic dan penggunaan mikrob; dan
 - viii) Program Peningkatan Pengeluaran Dan Kualiti Produk Industri Asas Tani (IAT)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PEMBAHARUAN SKIM KASIH IBU SMART SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana kaedah dan mekanisma yang di buat oleh Kerajaan untuk Skim Kasih Ibu Smart Selangor dari sudut penyelarasan dan kemaskini kelayakan sebagai contoh dibuat pembaharuan setiap tahun untuk menentukan kelayakan semula?

JAWAPAN:

- a) Semua sedia maklum bahawa Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang diperkenalkan awal tahun 2018 telah mendapat sambutan luar biasa dan memberi manfaat kepada 40,000 orang ibu di seluruh Selangor.

Kini, Kerajaan Negeri sedang membuat penelitian terhadap semua program IPR termasuk Program KISS untuk ditambahnilai kepada program *empowerment* agar penerima IPR mampu berdikari dan mengurangkan sikap kebergantungan terhadap Kerajaan Negeri.

Antara kaedah yang akan dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan dan pengemaskinian kelayakan adalah melalui pepadanan senarai sedia ada para penerima KISS dengan sistem e-Kasih yang merupakan sebuah pangkalan data yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Para peserta Program KISS berpeluang untuk menyertai program-program kemahiran yang akan ditawarkan agar mereka mampu berdikari untuk menjana pendapatan keluarga dan keluar daripada kepompong kemiskinan yang dihadapi selain turut sama menyumbang secara positif dan proaktif dalam membangunkan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI UNTUK WARGA EMAS

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk warga emas memandangkan Skim Mesra Usia Emas akan hanya dinikmati oleh pewaris atau penama? Sebagai contoh pendaftaran ahli berumur 60 tahun ke atas apabila layak dan diluluskan oleh pihak YAWAS maka berhak menerima RM1,000.00 dan baki RM1,500.00 akan dibayar pada penama selepas warga emas meninggal dunia.

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini bantuan kepada golongan warga emas telah diberikan melalui Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dikendalikan oleh pihak Rangkaian Mesra Sdn Bhd sebagai bantuan khairat kematian sebanyak RM2,500.00 tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan tahap sosial khusus kepada golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Bantuan kewangan yang diberikan membantu dalam meringankan beban ahli keluarga dalam pengurusan jenazah.

Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin terhadap golongan warga emas yang juga merupakan sebahagian daripada masyarakat di Selangor, Kerajaan Negeri kini sedang dalam pertimbangan untuk memberikan manfaat kepada ahli SMUE semasa hidupnya dan beberapa cadangan lain di peringkat Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : MENAIKTARAF DAN MELEBARKAN JALAN UTAMA

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf dan melebarkan jalan utama untuk ke Pantai Kelanang yang merupakan salah satu pusat rekrasi pelancongan utama di Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor belum ada sebarang perancangan untuk menaiktaraf jalan ke Pantai Kelanang. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan tiada halangan untuk mengkaji dan menyediakan anggaran kos sekiranya terdapat keperluan yang mendesak dari segi kapasiti dan keselamatan pengguna jalan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : KAEDAH PEMBAYARAN SKIM MESRA USIA EMAS

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah pembayaran Skim Mesra Usia Emas sama ada di teruskan seperti sebelum ini atau ada perubahan?

JAWAPAN:

- a) Kaedah pembayaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah diteruskan seperti kaedah yang telah ditetapkan iaitu bayaran Fasa I sebanyak RM1,000.00 dilaksanakan oleh pihak Ahli Dewan Negeri (ADN) dan bayaran Fasa II sebanyak RM1,500.00 dilaksanakan oleh pihak Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT). Bayaran dibuat secara rekupan kepada Akaun ADN setelah dokumen lengkap diterima daripada pihak Pusat Khidmat Masyarakat (PKM).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PENJAWAT YANG BERKHIDMAT DI PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah penjawat-penjawat yang berkhidmat di Pusat Khidmat Masyarakat di bawah lantikan Dewan Negeri dilindungi oleh PERKESO?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21/2013 bertarikh 24 Julai 2013 telah meluluskan pelantikan tiga (3) orang Pembantu Tadbir secara *contract for service* untuk setiap Pusat Khidmat Masyarakat dengan diberi kelulusan khas caruman KWSP. Lanjutan daripada keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima cadangan supaya setiap Pembantu Tadbir tersebut dilindungi oleh PERKESO. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut sedang dikaji dengan mengambil kira implikasi kewangan yang akan ditanggung sebelum sebarang keputusan penambahbaikan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH PRIHATIN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bantuan rumah prihatin yang telah diluluskan untuk bina baru dan baikpulih untuk 2017 dan 2018?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bantuan rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin yang telah diluluskan untuk bina baru dan baikpulih untuk 2017 dan 2018 adalah seperti di jadual berikut :

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI
TAHUN 2017 – 2018**

DAERAH \ TAHUN	2017		2018		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	-	-	1	1	2
PETALING	1	-	2	2	5
KUALA LANGAT	8	12	-	-	20
HULU LANGAT	-	-	1	3	4
SABAK BERNAM	2	21	2	14	39
KUALA SELANGOR	5	10	-	-	15
GOMBAK	6	14	2	5	27
HULU SELANGOR	1	1	-	1	3
SEPANG	-	-	2	8	10
JUMLAH KESELURUHAN	23	58	10	34	125

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	33
BP - Baikpulih	92
Jumlah keseluruhan	125

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PERANCANGAN EXCO USAHAWAN UNTUK MEMAJUKAN BAZAR
DARUL EHSAN**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Exco usahawan untuk memajukan Bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat yang terbiar sekian lama ibarat Projek Gajah Putih?

JAWAPAN:

- a) Bangunan Darul Ehsan dibangunkan bertujuan untuk pengumpulan produk IKS di kawasan Kuala Langat. Kerajaan Negeri ingin menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat keusahawanan bukan sahaja memfokuskan sebagai pusat pengumpulan produk. Premis ini juga pernah dijadikan sebagai pusat kegiatan usahawan seperti aktiviti kursus, jahitan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan pusat pengumpulan produk IKS kurang berjaya memandangkan pengunjung lebih gemar untuk mendapatkan produk secara terus dari pengilang di sekitar kawasan tersebut yang menawarkan harga yang lebih kompetitif dan produk yang lebih segar.

Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membaikpulih bangunan tersebut bagi merencanakan kembali aktiviti keusahawanan. Selain itu Kerajaan Negeri merancang BDE dijadikan sebagai *promotion centre* untuk aktiviti jualan dan promosi barangan pengguna seperti jualan barangan bayi dan barangan sekolah. Tindakan penambahbaikan telah diambil untuk melakukan penilaian kerosakan yang akan dijalankan oleh JKR Selangor bagi membolehkan kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan dibuat mulai tahun 2018. Kerja-kerja ini akan memakan masa sekitar 6 bulan dan dijangka siap pada April 2019. Kerajaan Negeri juga akan melantik syarikat pengurusan yang baharu untuk mengadakan program dan aktiviti keusahawanan dengan melibatkan penduduk setempat. Inisiatif ini bukan sahaja mampu memulihkan kembali bangunan tersebut malahan akan dapat membantu meningkatkan dan menaik taraf pendapatan penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN PETANI DAN PEKEBUN SAWIT

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan kaum petani di Selangor dan Meru khasnya?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membantu pekebun-pekebun sawit yang kini terjejas ekoran daripada harga sawit yang terlalu rendah?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Kerajaan Negeri di dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan kaum petani di Negeri Selangor khususnya termasuk di Meru adalah berlandaskan kepada faktor kekangan kawasan pertanian di mana atas isu tersebut beberapa langkah telah dan sedang diambil iaitu dengan mempromosi dan menggalakkan kaedah pertanian *High Value Agriculture Product* (HVAP) atau pertanian bernilai tinggi seperti penanaman berkonsepkan fertigasi.

Dalam masa yang sama juga, penggunaan teknologi dan jentera moden diterapkan seperti penggunaan pemantaun atas talian untuk pengawalan baja dan serangga berdasarkan kaedah pertanian persis (*precision agriculture*), memberi galakan untuk pengeluaran hasil yang lebih bernilai tinggi dan memberikan pulangan yang lumayan (*high return*), khidmat nasihat oleh jabatan dan agensi yang berkaitan dan galakan pelaksanaan projek pertanian secara lestari iaitu penggunaan baja-baja organik dan mikrob.

- b) Kerajaan Negeri amat prihatin berkenaan dengan penurunan secara mendadak harga minyak sawit mentah *atau crude oil palm* (CPO). Statistik dari MPOB (*Malaysia Palm Oil Board*) menunjukkan kejatuhan harga secara berterusan sejak Januari 2018 amat membimbangkan khususnya kesan kepada pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Harga CPO pada bulan Januari 2018 adalah RM2,468.50 dan harga pada 13 November 2018 pula terus menurun sehingga ke RM1,851.50 iaitu kedudukan harga yang paling rendah pada tahun 2018 dengan peratusan penurunan sebanyak 25%.

Walaupun industri kelapa sawit terletak di bawah pengawasan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri tetap memberikan perhatian ke atas perkara tersebut. Sebagai langkah awal, agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan pekebun-pekebun kecil ini seperti Felcra dan RISDA telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT) di mana melalui penglibatan secara terus agensi tersebut, Kerajaan Negeri akan mendapat lebih banyak maklumat serta mencari kaedah yang paling sesuai untuk membantu golongan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit tersebut. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian-Kementerian di bawah Kerajaan Pusat yang berkaitan dengan pekebun kecil bagi mencari jalan yang lebih komprehensif dan holistik di dalam menangani isu tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PERANCANGAN BANDAR MERU

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menyusun dan memperbaiki semula kesilapan perancangan dan pembangunan bandar Pekan Meru yang tidak terancang dan tidak tersusun sejak dahulu?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang sedang menyediakan Rancangan Tempatan Klang (Penggantian) 2035 yang dijangka siap pada akhir tahun 2019. Rancangan Tempatan Klang (Penggantian) 2035 akan menekankan dasar dan strategi Pekan Meru sebagai satu bandar satelit dengan mengambilkira pusat-pusat pertumbuhan baru seperti Bandar Bukit Raja, Klang Sentral dan beberapa pusat pertumbuhan di Koridor Utara Klang dengan adanya Jajaran Lebuh raya Pantai Barat. Tumpuan juga akan menaiktaraf dan memperkemaskan kemudahan infrastruktur seperti sistem jalanraya dan perparitan sejajar dengan kawasan Meru sebagai pusat tumpuan kepada aktiviti kediaman dan industri yang pesat dan berkembang maju.

Penguatkuasaan di bawah Kanun Tanah Negara dan Undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu diperkasakan bagi mengawal aktiviti salahguna tanah dan pembangunan yang tidak terancang dan tidak mematuhi prodesur pemajuan tanah seperti yang ditetapkan oleh PBT dan PTD khususnya ditanah simpanan Melayu kampung tradisional dan tanah-tanah rezab kerajaan yang menjejaskan kualiti hidup dan perkhidmatan perbandaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PEMBAIKAN SISTEM JALANRAYA DUN MERU

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk membaiki dan menaik taraf jalanraya-jalanraya di DUN Meru yang teruk dan tidak diselenggara dengan baik?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Jalan Meru bermula dari persimpangan Jalan Meru Tambahan/ Persiaran Hamzah Alang sehingga ke Jalan FT05 sepanjang 6.5 km dan bermula dari persimpangan Jalan Meru Tambahan/ Persiaran Hamzah Alang sehingga ke persimpangan Jalan Abdul Manan sepanjang 2.5 km.

Kertas Cadangan ini telah dimajukan kepada Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 1 November 2018 untuk tujuan permohonan dalam Rolling Plan-4, Rancangan Malaysia Ke-11.

Antara usaha yang telah diambil oleh pihak JKR bagi membaiki jalan-jalan di Dun Meru adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan negeri dan persekutuan secara Kontrak Jangka Panjang yang merangkumi kerja senggara rutin, berkala pavemen dan berkala bukan pavemen. Bagi jalan persekutuan, JKR Klang telah memohon anggaran peruntukan berjumlah RM13.8 juta bagi membaiki jalan-jalan Persekutuan iaitu FT3217 & FT05 di dalam Kawasan DUN Meru (N42). Penampalan jalan telah/ akan dilaksana dari semasa ke semasa bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.
- ii. Pelaksanaan kerja membaiki jalan raya negeri dan persekutuan melalui kerja sebutharga.
- iii. Pelaksanaan kerja-kerja membaikpulih di jalan-jalan negeri melalui Kontrak Berpusat. JKR Daerah Klang telah memohon anggaran peruntukan berjumlah RM6.8 juta melibatkan Jalan Hj Abd Manan, Jalan Hj Sirat, Jalan Manan 1, dan Jalan Sungai Puloh yang akan dilaksana melalui Kontrak Berpusat tahun 2019, tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : POLITIK DI MASJID DAN SURAU

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak JAIS bagi mengatasi masalah pelantikan pegawai masjid yang terang dan jelas telah dimonopoli oleh parti politik?
- b) Apakah tindakan JAIS untuk mengatasi masalah penceramah yang tidak bertauliah yang masih lagi bebas mengajar dan memburukkan kerajaan PH di masjid-masjid dan surau-sarau di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pihak MAIS telah menetapkan bahawa mana-mana orang yang memegang apa-apa jawatan utama dalam parti politik tidak dibenarkan untuk dilantik sebagai pegawai dan jawatankuasa masjid.

Setiap calon Nazir dan Imam juga akan ditemu duga oleh Panel Penemu duga yang dilantik oleh MAIS selain akan melalui tapisan Panel Pencalonan Dan Pemilihan Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Yang Dihormati Orang Besar Daerah.

- b) JAIS telah menetapkan bahawa hanya individu yang diberi tauliah atau yang mendapat kebenaran khas mengajar dari JAIS sahaja dibenarkan mengajar tentang agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam di mana-mana tempat di Negeri Selangor. Mereka yang diberi tauliah dan mendapat kebenaran khas turut tertakluk tidak dibenarkan berceramah kepartian dalam sesi-sesi pengajaran yang dilakukan. Buat masa ini tiada laporan rasmi diterima oleh Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan atau Bahagian Dakwah dari pihak masjid atau surau atau orang awam berhubung ada penceramah tanpa tauliah yang memburuk-burukkan Kerajaan PH di masjid dan surau di Negeri Selangor.

Bagaimanapun usaha-usaha akan dibuat bagi meningkatkan fungsi pentadbir masjid dan surau dan kesedaran orang awam agar mengambil tanggungjawab yang sama bagi mengekang dan menghalang ceramah kepartian, menfitnah dan mengadu domba dari penceramah yang memiliki tauliah dan bukan tidak memiliki tauliah.

Pegawai masjid adalah individu yang mempunyai kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan kepada individu terlibat dengan perkara ini. Penguatkuasa

juga kini lebih agresif bertindak kepada suatu aduan yang bertanggungjawab terhadap perkara ini. Gabungan penguatkuasa yang tegas dan berkesan serta kesedaran pentadbir masjid dan surau dan orang awam dalam menghalang perkara ini dari terus berlaku sedang berjalan dan diusahakan dari semasa ke semasa untuk menjadi lebih berkesan. Akhirnya, JAIS akan berjaya menjadikan masjid dan surau dihidupkan dan diimarahkan dengan fungsi ilmu yang mengajak manusia untuk beramal soleh dan bersatu padu selain fungsi dakwah, fungsi ibadah dan fungsi khidmat kemasyarakatan kepada pelbagai agama dan ras di kariahnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : WARGA ASING BERNIAGA

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pendatang asing yang makin bebas berniaga seperti tiada kawalan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT tidak meluluskan mana-mana lesen premis perniagaan kepada pendatang asing tanpa izin yang menjalankan aktiviti perusahaan dan perniagaan. Tindakan sitaan dan kompaun akan diambil ke atas premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan mengikut Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (PBT) 2007.

PBT sentiasa menjalankan pemantauan ke atas pemegang lesen yang menjalankan perniagaan. Sekiranya pemegang lesen gagal berada di tapak perniagaan atau tidak berada di tapak perniagaan semasa proses pemantau dijalankan, notis peringatan akan dikeluarkan kepada pemegang lesen. Seterusnya tindakan pembatalan lesen dan menyenaraihitamkan pemegang lesen akan diambil sekiranya berlaku kesalahan yang berulang.

Selain itu, tindakan sitaan terhadap barang perniagaan juga akan diambil di samping mengenakan kompaun pada kadar yang maksima. Barang perniagaan yang disita ini tidak dikembalikan kepada peniaga sebaliknya akan dilupuskan mengikut prosedur sedia ada. Surat pemakluman kepada Jabatan Imigresen Malaysia juga akan dikeluarkan agar tindakan susulan terhadap warga asing ini dapat diambil di bawah akta berkaitan.